

KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
TUJUAN	2
LATAR BELAKANG	2
RASIONAL PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM SDSI	3
DEFINISI PROGRAM SDSI	3
DASAR PENYERTAAN (<i>ENTRY POLICY</i>)	4
IDENTITI PROGRAM SDSI	4
Produk SDSI	5
Pengklusteran Projek SDSI	5
Kerjasama Kementerian Peneraju Bersama Rakan Strategik Bagi Pembangunan Kluster – Kluster SDSI	6
Penilaian Pelaksanaan Program SDSI	6
Sistem Pangkalan Data SDSI di KUSKOP	7
Penjenamaan dan Penggunaan Logo SDSI	7
Peranan Kerajaan dan Kerjasama Strategik dengan Pihak Swasta	7
RANGKA KERJA PEMBANGUNAN PRODUK DAN USAHAWAN SDSI	8
Fasa 1: Pengenalpastian Industri	8
Fasa 2: Kajian Analisis Industri	9
Fasa 3: Pembangunan Industri	9
Fasa 4: Kesediaan Pasaran (Pengembangan)	9
JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM SDSI	10
Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)	11
Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional (MPKN)	12
Jawatankuasa Pemandu Program SDSI (PSC)	14
Jawatankuasa Teknikal Program SDSI (PWC)	15
LIPUTAN ARAHAN	16
PENUTUP	16

TUJUAN

1. Garis Panduan Pelaksanaan Program SDSI Versi 2.0 merupakan kesinambungan kepada Garis Panduan Pelaksanaan Program SDSI tahun 2012 (semakan tahun 2016). Dokumen ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan Program SDSI dengan lebih berkesan, sekaligus dapat memperkasakan komuniti usahawan SDSI serta membantu pertumbuhan sosio ekonomi masyarakat setempat. Dokumen ini juga bertujuan untuk memastikan supaya Program SDSI kekal relevan dan selari dengan perubahan teknologi, peredaran masa serta revolusi industri.

LATAR BELAKANG

2. Program SDSI mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1992 sebagai **Satu Kampung Satu Produk (SKSP)** mengambil pengalaman Program One Village One Product (OVOP) dari Jepun yang telah bermula sejak 1979. Pada tahun 2002, program ini dikembangkan menjadi **Satu Kampung Satu Industri (SKSI)** dan kemudian diberi nama baharu kepada **Satu Daerah Satu Industri (SDSI)** pada tahun 2003. Pelaksanaan OVOP turut dilaksanakan di seluruh dunia antaranya Jepun, Taiwan, Filipina, Kemboja, China, Indonesia dan Laos, di mana pelaksanaannya tidak terikat kepada satu produk bagi setiap daerah/ kampung/ wilayah/ bandar.
3. Jemaah Menteri pada 8 Disember 2004 telah memutuskan agar Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) bertindak sebagai urus setia dan penyelaras Program SDSI. Berikutan itu, Arahan Pelaksanaan Program SDSI telah dikeluarkan oleh ICU, JPM pada tahun 2006. Arahan Pelaksanaan SDSI tersebut telah ditambah baik melalui pewujudan Garis Panduan Pelaksanaan Program SDSI Tahun 2012, serta Garis Panduan Pelaksanaan Program SDSI Tahun 2012 (Semakan Tahun 2016).
4. Selaras dengan penstrukturan semula kementerian pasca Pilihanraya Umum ke-14, Mesyuarat Penyelarasan Program SDSI bersama Kementerian Peneraju pada 10 Oktober 2018 yang dipengerusikan oleh ICU, JPM bersama Kementerian Peneraju bagi Program SDSI iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah bersetuju secara prinsip supaya Program SDSI diselaraskan oleh KUSKOP. Pada 16 Januari 2019, tugas penyelarasan dan pelaksanaan Program SDSI telah diserahkan daripada ICU, JPM kepada KUSKOP. Evolusi program adalah seperti di Rajah 1.

Rajah 1: Evolusi Program SDSI Di Malaysia



RASIONAL PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM SDSI

5. Penjenamaan semula Program SDSI Versi 2.0 ini dirangka dengan lebih holistik mengambil kira ekosistem keusahawanan serta diselaraskan dengan agenda pembangunan negara seperti Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).
6. Dokumen ini mengambil kira cadangan penyelesaian ke atas isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan Program SDSI dari aspek dasar (dasar penyertaan dan penilaian pelaksanaan) dan operasi (penyelesaian kepada isu, rangka kerja pembangunan usahawan dan produk SDSI dan jentera pelaksanaan) bagi memastikan pelaksanaan Program SDSI lebih berkesan.

DEFINISI PROGRAM SDSI

7. Program SDSI merupakan program pembangunan ekonomi yang dijalankan secara komuniti dan dapat memberi manfaat langsung kepada produk/perkhidmatan yang berasaskan sumber bahan mentah dari dalam atau luar negeri. Walau bagaimanapun, penggunaan sumber bahan mentah tempatan adalah digalakkan.

DASAR PENYERTAAN (*ENTRY POLICY*)

8. Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:
- i) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) / pihak berkuasa tempatan (PBT) / agensi yang berkaitan;
 - ii) Telah beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
 - iii) Terbuka kepada semua usahawan SDSI tanpa had nilai jualan tahunan.

IDENTITI PROGRAM SDSI

9. Program SDSI merupakan satu program pembangunan ekonomi yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan yang berterusan dan seterusnya akan memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat umumnya dan masyarakat setempat khususnya.
10. Objektif pembangunan Program SDSI adalah untuk **melonjakkan produk setempat sebagai industri yang berdaya maju seiring dengan pembangunan usahawan yang berdaya saing**. Secara spesifiknya, tumpuan program ini menjurus kepada 3 aspek seperti di Rajah 2.

Rajah 2: Objektif Program SDSI



Produk SDSI

11. Bagi membezakan Produk SDSI berbanding produk industri lain, kriteria penentuan Produk SDSI diperkenalkan. **Produk hendaklah memenuhi ketiga-tiga kriteria yang ditetapkan** seperti di bawah:
 - i) **Kegiatan Yang Melibatkan Komuniti Setempat**
Sesuai projek dijalankan oleh kumpulan/ koperasi/ persatuan/ syarikat persendirian dalam rangkaian industri yang melibatkan komuniti setempat.
 - ii) **Produk Unik**
Produk yang mempunyai keunikan ciri/keistimewaan setempat yang dapat memberikan identiti atau imej kepada daerah berkenaan.
 - iii) **Peluang Pekerjaan**
Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Pengklusteran Projek SDSI

12. Pembangunan projek-projek SDSI dibahagikan mengikut kluster atau bidang usaha berdasarkan kepada kapasiti usahawan, kebolehpasaran produk dan kemahiran tempatan.
13. Secara keseluruhannya, pembangunan Produk SDSI dibahagikan kepada 4 kluster Pembangunan Produk SDSI seperti berikut:
 - i) **Kluster Produk Makanan/Minuman**
Meliputi aktiviti industri perusahaan makanan dan minuman berasaskan hasil tani (pertanian, perikanan, penternakan dan perhutanan).
 - ii) **Kluster Homestay**
Meliputi penyediaan kemudahan penginapan dan aktiviti tarikan pelancong untuk merasai pengalaman unik gaya hidup dan aktiviti ekonomi setempat.
 - iii) **Kluster Produk Kraf**
Meliputi perusahaan dan pengeluaran produk kraf berasaskan kemahiran tempatan.
 - iv) **Kluster Produk/Perkhidmatan Kesihatan**
Meliputi pengeluaran produk/perkhidmatan kesihatan sama ada dalam bentuk makanan atau bukan makanan serta perkhidmatan berasaskan produk tersebut.

Kerjasama Kementerian Peneraju Bersama Rakan Strategik Bagi Pembangunan Kluster – Kluster SDSI

14. Pembangunan kluster-kluster SDSI akan diterajui oleh KUSKOP bersama Kementerian Peneraju yang terdiri daripada kementerian - kementerian yang mempunyai kepakaran dalam kluster pembangunan produk SDSI iaitu KKDW, KPKM dan MOTAC.
15. KUSKOP bersama Kementerian Peneraju bertanggungjawab untuk menyelaras, memantau pembangunan usahawan dan projek SDSI dengan kerjasama rakan strategik iaitu kerajaan negeri dan agensi-agensi.
16. Kementerian Peneraju dan rakan strategik boleh mencadangkan projek SDSI yang dikenal pasti kepada KUSKOP menerusi medium Jawatankuasa Teknikal Program SDSI (PWC). Pemantauan perlu dibuat secara bersama di antara pihak - pihak tersebut bagi memastikan usahawan yang mereka kenal pasti mendapat peluang untuk dimajukan seperti di Rajah 3.

Rajah 3: Kerjasama antara Kementerian Peneraju bersama rakan strategik



Penilaian Pelaksanaan Program SDSI

17. *Key Performance Indicator* (KPI) di setiap peringkat bagi mengukur pencapaian Program SDSI ialah peningkatan jualan usahawan SDSI sebanyak 20% dalam tempoh enam bulan setelah produk memasuki pasaran.
18. Pemantauan dan penilaian perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan Program SDSI mencapai KPI yang ditetapkan. Kajian *outcome* perlu dilaksanakan bagi menilai *outcome* projek kepada pembangunan usahawan dan produk SDSI.


Sistem Pangkalan Data SDSI di KUSKOP

19. Sistem Pangkalan Data SDSI yang dibangunkan oleh KUSKOP bertindak sebagai pusat pangkalan data, sumber rujukan utama Program SDSI.

Penjenamaan dan Penggunaan Logo SDSI

20. Produk SDSI mengguna pakai logo yang seragam bagi memberikan identiti kepada produk tersebut. Logo SDSI dan keterangan mengenainya adalah seperti di Rajah 4.

Rajah 4: Logo SDSI



21. Syarat - syarat penggunaan logo SDSI
 - i) Usahawan SDSI menepati Dasar Penyertaan SDSI layak untuk menggunakan logo SDSI; dan
 - ii) Penggunaan logo SDSI ini hanya melibatkan produk sahaja dan tidak kepada program.

Peranan Kerajaan dan Kerjasama Strategik dengan Pihak Swasta

22. Dalam konteks pembangunan Program SDSI, komitmen daripada pelbagai pihak iaitu kerajaan, institusi penyelidikan, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) dan swasta perlu dilaksanakan secara bersepadu. Di peringkat awal pembangunan projek SDSI, agensi kerajaan berperanan besar antaranya untuk memberikan khidmat nasihat, pemindahan kepakaran bagi menghasilkan produk yang menepati


kehendak pasaran dan penambahbaikan kualiti produk bagi mematuhi piawaian yang berkaitan. Penglibatan pihak kerajaan akan berkurangan apabila usahawan telah berjaya mencapai tahap industri kecil atau sederhana.

23. Justeru itu, kerjasama strategik dengan pihak swasta dan GLCs termasuklah Koridor Pembangunan Ekonomi amat penting sebagai faktor pelengkap kepada aktiviti pembangunan Program SDSI. Antara bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan ialah dalam bentuk pembiayaan, peluang perniagaan dan khidmat nasihat mengenai produk.

RANGKA KERJA PEMBANGUNAN PRODUK DAN USAHAWAN SDSI

24. Ke arah mewujudkan **produk SDSI sebagai industri** di sesebuah daerah, satu rangka kerja baharu pembangunan usahawan dan produk SDSI ini dibentuk mengambil kira isu dasar dan operasi yang dibangkitkan sepanjang pelaksanaan Program SDSI seperti di Rajah 5.

Rajah 5: Rangka Kerja Pembangunan Produk dan Usahawan SDSI



Fasa 1: Pengenalpastian Industri

25. Rangka kerja baharu pembangunan usahawan dan produk SDSI ini dibangunkan dengan berpandukan kepada rangka kerja sedia ada dengan penambahbaikan fasa baharu iaitu “**Fasa 1: Pengenalpastian Industri**” yang memberikan penekanan kepada pencalonan dan pemilihan produk oleh Jawatankuasa

Teknikal Program SDSI berdasarkan pencalonan daripada pihak kementerian, kerajaan negeri atau agensi.

26. Pemilihan secara bersama ini akan meningkatkan ketelusan, komunikasi dengan kementerian/negeri serta pemantauan dan bantuan dapat diberikan dengan lebih terselaras. Dalam fasa ini juga, pembentangan juga akan dibuat bagi menyaring industri yang memenuhi kriteria Program SDSI dan yang berjaya akan maju ke **Fasa 2: Kajian Analisis Industri**.
27. Produk/industri SDSI yang telah melalui Fasa 1: Pengenalpastian Industri akan dikategorikan sama ada dalam **Kategori 1** iaitu **Produk/Industri SDSI yang Berdaya Maju (Viable)** atau **Kategori 2** iaitu **Produk/Industri Mapan (Established)**.
28. **Produk/industri** dalam **Kategori 1** akan melalui **Fasa 2: Kajian Analisis Industri**, seterusnya dibangunkan dalam **Fasa 3: Pembangunan Industri** dan akan dibantu dalam fasa yang terakhir iaitu **Fasa 4: Kesediaan Pasaran (Pengembangan)**. Manakala bagi **produk/industri** yang dikategorikan dalam **Kategori 2** iaitu produk SDSI yang telah sedia untuk dipasarkan akan memasuki pasaran tempatan/eksport dalam **Fasa 4: Kesediaan Pasaran (Pengembangan)** sama ada melalui usaha usahawan sendiri mahupun melalui program yang disediakan oleh kerajaan.

Fasa 2: Kajian Analisis Industri

29. Fasa Kajian Analisis Industri dilaksanakan dengan kerjasama agensi pelaksana iaitu Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Kajian Analisis Industri merupakan kajian yang dilaksanakan terhadap industri di sesebuah daerah tentang keseluruhan ekosistem termasuk rantai bekalan, kebolehpasaran produk, dan mengenal pasti isu/jurang yang dihadapi. Hasil kajian tersebut akan dijadikan rujukan dalam merangka pelan/cadangan penambahbaikan dan Pembangunan industri SDSI yang komprehensif dalam Fasa 3: Pembangunan Industri.

Fasa 3: Pembangunan Industri

30. Fasa Pembangunan Industri dilaksanakan dengan kerjasama agensi pelaksana iaitu INSKEN. Fasa ini melibatkan proses intervensi bagi pembangunan produk sehingga produk sedia untuk dipasarkan. Skop pembangunan kapasiti antaranya adalah penjenamaan dan pembungkusan, pensijilan, pembelian mesin, membina fasiliti atau menaik taraf fasiliti sedia ada. Pencapaian diukur berdasarkan KPI yang telah ditetapkan iaitu pencapaian peningkatan jualan usahawan SDSI sekurang-kurangnya 20% dalam tempoh enam bulan setelah produk memasuki pasaran serta pemantauan yang berterusan.

Fasa 4: Kesediaan Pasaran (Pengembangan)

31. Fasa Kesediaan Pasaran (Pengembangan) merupakan fasa di mana usaha-usaha dilaksanakan bagi memasarkan produk SDSI ke pasaran yang lebih luas sama ada dalam negara atau eksport. Usahawan SDSI akan dihubung

kaitkan dengan pemain industri melalui program-program yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak sama ada kementerian, kerajaan negeri, agensi-agensi dan swasta. Antara program yang sedia ada ialah program padanan perniagaan, program eksport, dan bimbingan/ pementoran.

JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN PROGRAM SDSI

- 32 Jentera penyelarasan pelaksanaan Program SDSI di semua peringkat dan struktur organisasinya adalah seperti di Rajah 6. Mekanisme ini adalah bagi memastikan pelaksanaan Program SDSI dapat dilaksanakan dengan lancar di semua peringkat.

Rajah 6: Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Program SDSI



Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)

33. MPUPK berperanan untuk:

- i) Meluluskan dasar, strategi dan pelan tindakan bagi pembangunan holistik usahawan, perusahaan mikro, kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;
- ii) Mengkaji semula peranan dan tanggungjawab kementerian dan agensi kerajaan berhubung pembangunan holistik usahawan, perusahaan mikro, kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi;
- iii) Mempertingkatkan kerjasama dan penyelarasan di antara Kementerian, Agensi Kerajaan dan sektor swasta bagi memastikan pelaksanaan dasar pembangunan dan pelan tindakan usahawan, perusahaan mikro, kecil dan sederhana dilaksanakan dengan berkesan;
- iv) Menggalakkan dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam menyokong pembangunan usahawan, perusahaan mikro, kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi; dan
- v) Melaksanakan apa-apa fungsi lain tertakluk kepada keperluan semasa.

34. Keanggotaan MPUPK adalah seperti berikut:

MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PKS KEBANGSAAN (MPUPK)	
Pengerusi	YAB Perdana Menteri/YAB Timbalan Perdana Menteri
Urus setia	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Kekerapan mesyuarat	Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 1 kali setahun atau mengikut keperluan.

AHLI-AHLI	
<p><u>Kementerian dan Agensi Persekutuan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a. YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi b. YB Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri c. YB Menteri Kewangan d. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan e. YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi f. YB Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah g. YB Menteri Pendidikan Tinggi h. YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya i. YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup j. YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi k. YB Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan l. YB Menteri Komunikasi dan Digital m. YB Menteri Ekonomi n. Ketua Setiausaha Negara o. Bank Negara Malaysia 	<p><u>Kementerian dan Agensi Persekutuan:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> a. YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak; dan b. YB Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah.
AHLI JEMPUTAN	Individu yang dijemput berasaskan isu semasa yang dibincangkan

Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional (MPKN)

35. MPKN berperanan untuk:

- i) Menyelaraskan dasar dan hala tuju pembangunan keusahawanan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- ii) Menetapkan dan memperakukan langkah-langkah strategik dalam memperkasakan ekosistem keusahawanan;
- iii) Menetapkan skop kerjasama dan pelaksanaan inisiatif pembangunan keusahawanan selaras dengan dasar-dasar serta perancangan sosioekonomi semasa;
- iv) Menetapkan mekanisme pengumpulan maklumat terkini mengenai pembangunan keusahawanan di setiap negeri dan sektor industri; dan
- v) Memupuk kerjasama yang lebih erat di antara Kerajaan dan industri dalam membangunkan usahawan.

36. Keanggotaan MPKN adalah seperti berikut:

Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional (MPKN)	
Pengerusi	YB Menteri KUSKOP/ YB Timbalan Menteri KUSKOP
Urus setia	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KUSKOP
Kekerapan mesyuarat	Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 1 kali setahun atau mengikut keperluan.

AHLI-AHLI	
<p>Ahli Kerajaan Negeri</p> <p>- bertanggungjawab ke atas pembangunan usahawan negeri.</p>	<p>Menteri/Menteri Muda</p> <p>- bertanggungjawab ke atas pembangunan usahawan bagi negeri Sarawak dan Sabah.</p>
<p>Kementerian dan Agensi Persekutuan Ketua Setiausaha/Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Pengarah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi b. Kementerian Kewangan c. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup d. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan e. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah f. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat g. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan h. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri i. Kementerian Ekonomi 	<p>Kementerian dan Agensi Kerajaan Negeri Setiausaha Tetap Kementerian atau Ketua Jabatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak b. Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah c. Unit Perancang Ekonomi Negeri d. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
AHLI JEMPUTAN	Badan bukan Kerajaan dan Pemain Industri

Jawatankuasa Pemandu Program SDSI (PSC)

37. PSC berperanan untuk:

- i) Untuk menentukan hala tuju program SDSI;
- ii) Untuk memberikan panduan/nasihat kepada Jawatankuasa Teknikal ("PWC") apabila resolusi tidak dapat diselesaikan dalam mesyuarat PWC;
- iii) Untuk memperaku dan mengesahkan laporan mengenai status pelaksanaan program/saluran dana yang dipersetujui oleh PWC
- iv) Untuk meluluskan atau menyokong sebarang cadangan yang dikemukakan oleh PWC; dan
- v) Mempunyai kuasa untuk melantik dan menghantar juruaudit bebas dalam membuat pengauditan program.

38. Keanggotaan PSC adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Pemandu Program SDSI (PSC)	
Pengerusi	Ketua Setiausaha KUSKOP
Timbalan Pengerusi	Timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP
Urus setia	Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan, KUSKOP
Kekerapan mesyuarat	Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun atau mengikut keperluan.

AHLI-AHLI	
<u>KEMENTERIAN PENERAJU KLUSTER SDSI DAN AGENSI PERSEKUTUAN:</u>	<u>KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI:</u>
a. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan b. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah c. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya d. Semua agensi di bawah KUSKOP	a. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak b. Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah c. Unit/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri d. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri e. Agensi Keusahawanan Kerajaan Negeri
AHLI JEMPUTAN	Badan bukan Kerajaan, Pemain Industri dan Institusi Pengajian Tinggi

Jawatankuasa Teknikal Program SDSA (PWC)

39. PWC berperanan untuk:

- i) Membincangkan cadangan perubahan, pindaan atau penambahbaikan terhadap keperluan semasa program termasuk kewajipan dan tanggungjawab bagi semua pihak berkepentingan yang terlibat di dalam program atau perkara- perkara lain yang berkaitan dan menyampaikan keputusan tersebut kepada Jawatankuasa Pemandu ("PSC") untuk pengesahan;
- ii) Memantau pelaksanaan dan perkembangan program pembangunan SDSA di peringkat persekutuan dan negeri serta mencadangkan proses intervensi mengikut kesesuaian untuk pertimbangan PSC;
- iii) Mendengar dan meneliti pembentangan kertas kerja / cadangan baharu berhubung Program SDSA sebelum diangkat untuk pertimbangan PSC; dan
- iv) Menentukan produk SDSA yang bersesuaian untuk dibangunkan.

Jawatankuasa Teknikal Program SDSA (PWC)	
Pengerusi	Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) KUSKOP
Timbalan Pengerusi	Setiausaha Bahagian Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan
Urus setia	Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan, KUSKOP
Kekerapan mesyuarat	Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun atau mengikut keperluan.

AHLI-AHLI	
<u>KEMENTERIAN PENERAJU KLUSTER SDSA DAN AGENSI PERSEKUTUAN:</u>	<u>KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI:</u>
a. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan b. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah c. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya d. Semua agensi di bawah KUSKOP	a. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak b. Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah c. Unit/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri d. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri e. Agensi Keusahawanan Kerajaan Negeri
AHLI JEMPUTAN	Badan bukan Kerajaan, Pemain Industri dan Institusi Pengajian Tinggi

LIPUTAN ARAHAN

40. Garis panduan ini berkuat kuasa bagi semua peringkat kementerian dan negeri mulai tarikh arahan ini dikeluarkan. Pindaan-pindaan kepada garis panduan ini akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
41. Segala pertanyaan mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Program SDSI hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia Program SDSI
Seksyen Pemasaran dan Pengkomersialan,
Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan,
Kementerian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan
Blok E4/5, Kompleks E,
Presint 1, Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
62668 PUTRAJAYA, MALAYSIA

No. Telefon : 03-88723801/ 88726566/ 88723809

No. Faks : 03 – 8888 3685

PENUTUP

42. Dengan ini, Garis Panduan Pelaksanaan Program SDSI Versi 2.0 (Semakan 2024) adalah berkuat kuasa.